

Pelabuhan Malaysia dipertingkatkan dengan kerjasama China

LIMA pelabuhan baharu di Malaysia dan China kini merupakan sebahagian Perikatan Pelabuhan China-Malaysia (CMPA), kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai.

Pelabuhan itu ialah Pelabuhan Jing Tang dan Pelabuhan Tianjin (China) serta Pelabuhan Kemaman, Sabah dan Kuching (Malaysia), yang bertujuan mempertingkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang. Ia termasuk sebagai pelabuhan pendidikan; latihan dan perantisan; bantuan teknikal; pertukaran maklumat dan perkembangan trafik; serta penggalakan perkhidmatan perdagangan antara pelabuhan.

"China mempunyai pelabuhan terbaik di dunia dan kerjasama ini akan membuka laluan untuk masa depan yang baik bagi kedua-dua negara dalam memanfaatkan sumber dan potensi rakyat," katanya selepas merasmikan



5/9/2017 SINAR
Kerjasama ini akan membuka laluan untuk masa depan yang baik bagi kedua-dua negara.

- Liow Tiong Lai

Mesyuarat Tahunan CMPA kali kedua di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, pakatan pelabuhan itu turut bertujuan memudahkan perdagangan dengan menggunakan pelabuhan di Malaysia dan China sebagai pintu masuk.

"Dalam usaha untuk menghubungkan perniagaan Malaysia dan China, penggiat logistik perlu memperluaskan penerokaan mereka ke kedua-dua negara," ujarinya.

Katanya, pihak berkuasa Malaysia se-

dang memperluaskan pelabuhan utama, khususnya Pelabuhan Klang untuk memudahkan jumlah kapal yang dijangka meningkat pada masa depan.

"Kementerian juga merancang bagi membuka Melaka Gateway untuk digunakan kapal persiaran sebagai destinasi dok serta perkhidmatan penyelenggaraan. Ketika ini, hanya Pelabuhan Pulau Pinang mempunyai kemudahan itu," katanya.

Sementara itu, semasa mesyuarat tersebut, Tiong Lai berkata, Malaysia akan melaksanakan beberapa inisiatif seperti membantu pelabuhan Malaysia untuk muncul sebagai entiti peneraju di rantau Asean, sejak negara menjadi penyokong terawal kepada usaha Satu Jajaran, Satu Laluan (OBOR) oleh kerajaan China.

"Usaha itu sudah pasti membuka batasan baharu dan menyediakan peluang untuk kedua-dua negara dari segi sektor logistik," katanya. - *Bernama*